

05/05/1998

Kerjasama rakyat jayakan Sukom 98

KEGEMILANGAN Sukan Komanwel 1998 (Sukom '98) mulai dirasakan dengan pelbagai acara demi acara diadakan menjelang hari yang penuh cabaran itu. Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri satu majlis perjumpaan dengan lebih 5,000 Sukarelawan Nadi 98 dan atlit Sukom 98 di Kuala Lumpur. Perancangan tersusun yang diatur menjelang Sukom '98 ternyata menenggelamkan pelbagai andaian negatif yang dibuat oleh pihak tertentu yang matlamatnya mungkin untuk mencacatkan kelancaran acara sukan kedua terbesar di dunia itu. Pada kita andaian negatif yang datangnya dari luar negara itu kita anggap sebagai 'cakap kosong' pihak tertentu yang mahu menggagalkan perancangan untuk menjayakan Sukom '98. Sebaliknya, kita lebih bersemangat untuk membuktikan bahawa pandangan yang mereka lemparkan itu, adalah salah. Terpulanglah kepada komitmen semua rakyat untuk sama-sama menjayakan kejohanan sukan itu. Sekiranya rakyat sendiri tidak menghargai penghormatan yang diberikan kepada negara, bermakna kita menyokong pandangan serong orang luar terhadap negara ini. Kita percaya atas alasan inilah Dr Mahathir mahu semangat patriotisme dipaparkan melalui Sukom, selain ketinggian budaya dan tamadun rakyat Malaysia. Dalam tempoh 129 hari lagi mulai hari ini, kita akan menerima kedatangan ratusan ribu rakyat asing yang mewakili ahli sukan dan pegawai dari negara-negara yang mengambil bahagian, peminat sukan dan pelancong. Selain menyaksikan kegemilangan dan kehebatan acara sukan yang dipertandingkan, mereka juga menjadi saksi kepada kemampuan negara ini menganjurkan satu acara sukan yang gilang gemilang ini. Tidak ada kuasa ajaib yang boleh menjayakan sukan ini tanpa kerjasama semua rakyat. Selain pegawai yang ditugaskan untuk menjayakan sukan ini, tentulah khidmat 20,000 petugas sukarela memainkan peranan penting. Lebih daripada itu setiap rakyat seharusnya menunjukkan sikap yang baik. Setiap daripada kita boleh dianggap sebagai model yang baik bagi negara ini.

Lebih-lebih lagi kepada petugas sukarela, kepada mereka inilah rakyat asing memberi perhatian khusus kerana mereka akan bersama-sama di gelanggang atau luar gelanggang untuk sama-sama menghidupkan kegemilangan setiap acara sukan yang dipertandingkan. Jika menunjukkan sikap yang baik kepada mereka, tanggapan positif mereka terhadap rakyat dan negara ini akan lenyap, sekali pun Sukom '98 berjaya dilangsungkan dengan meriah. Kita tidak mahu disebabkan sikap segelintir rakyat yang gagal menunjukkan disiplin mulia, akan merendahkan martabat negara kita. Sia-sialah perbelanjaan begitu besar digunakan untuk menjayakan sukan ini sedangkan ia menjadi cacat akibat sikap segelintir masyarakat. Bagi kita Sukom '98 adalah acara paling penting untuk menarik lebih ramai rakyat asing ke negara ini pada masa akan datang. Kita mahu mereka mengenal negara dan rakyat negara ini melalui Sukom '98. Kemudian, mereka akan memperkenalkan negara ini kepada rakan mereka yang lain. Jika kita sentiasa memberi khidmat yang baik kepada mereka, kita yakin pada masa akan datang, mereka akan membawa kebaikan kepada negara.

Selain memberi kemudahan fizikal terbaik, kita mahu mereka memperingati negara ini kerana disiplin rakyat termasuklah semangat sukarelawan yang tinggi, berbudi bahasa dan menjaga kebersihan. Ini adalah antara disiplin yang amat penting untuk menjayakan Sukom 98. Oleh itu, memang wajarlah setiap rakyat terutamanya petugas sukarelawan memahami semangat patriotisme dalam konteks penganjuran acara besar seperti ini. Semangat patriotisme bukannya terbatas kepada perjuangan membela tanah air atau

perjuangan mencapai kemerdekaan semata-mata. Patriotisme dalam konteks ini lebih bermaksud melaksanakan tanggungjawab untuk menaikkan nama negara di mata dunia menerusi sikap dan budi pekerti yang mulia. Kita seharusnya mengelakkan sebarang kejadian yang boleh menjejaskan imej negara. Seandainya berlaku sekali pun, cara penyelesaiannya perlulah boleh diterima oleh semua pihak.

Kita berpendapat, amalan murni ini mudah dilaksanakan kerana selama ini pun, rakyat negara ini, dalam banyak hal, memang dianggap berdisiplin. Sebagai tuan rumah, kita seharusnya menyambut tetamu dengan senyuman manis dan menghormati mereka. Bagi pusat-pusat hiburan, kita ingin mengingatkan bahawa Malaysia tidak boleh ditonjolkan sebagai pusat kegiatan yang tidak sihat sama ada ketika Sukom atau pada bila-bila masa sekali pun. Kita tidak mahu dikenali sebagai negara yang penuh dengan kegiatan yang tidak sihat.

(END)